

# Sarang penagih dadah digempur

10 berjaya ditahan polis dalam serbuan berasingan di daerah Sabak Bernam

Sinar 12/4/14 ms 41

**SABAKBERNAM** – Seramai 10 penagih dadah ditahan dalam satu serbuan berasingan Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam, pagi kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Noor Mushar Muhammad berkata, dalam serbuan pertama kira-kira jam 1 pagi, seorang penagih di Pantai Redang Sekinchan ditahan kerana disyaki mengambil dadah.

Menurutnya, operasi yang diketuai Inspektor Khairul Amri Ishak dan dibantu seramai 11 anggota itu me-

nahan suspek yang ketika itu dipercayai baharu melepaskan gian di pantai yang menjadi sarang penagihan di kawasan terbabit.

"Lelaki itu dibawa ke IPD Sabak Bernam untuk siasatan lanjut dan hasil ujian air kencing mendapati suspek positif dadah jenis heroin," katanya.

Beliau berkata, serbuan yang turut diketuai Khairul Amri dengan dibantu empat anggotanya pada jam kira-kira 9 pagi turut memberkas seramai lima penagih di Pantai Bagan Satu Hutan Bakau Sungai Besar.

"Kesemua suspek berusia



antara 20 hingga 40-an itu didapati cuba melarikan diri, bagaimanapun berjaya dicekup dalam serbuan di pantai itu dan hasil urin turut mendapati mereka positif dadah

**“ Kesemua suspek berusia antara 20 hingga 40-an itu didapati cuba melarikan diri, bagaimanapun berjaya dicekup dalam serbuan di pantai itu dan hasil urin turut mendapati mereka positif dadah jenis heroin.”**  
- Noor Mushar

jenis heroin," katanya.

Sementara itu Noor Mushar berkata, dalam operasi berasingan diketuai Inspektor Nasrul Yamani Yusof bersama lima anggotanya pada jam 9 pagi itu berjaya memberkas empat penagih dadah berusia 20 dan 30-an di Jalan Menteri, Sabak Bernam.

Katanya, penahan itu di-

buat ketika keempat-empat suspek dipercayai baharu melepaskan gian dan kesemua mereka ditahan polis kerana disyaki dalam keadaan mencurigakan dan hasil pemeriksaan mendapati mereka positif heroin.

Terdahulu katanya, polis yang sentiasa serius membendung kes penyalahguna-

an dadah di daerah itu berjaya menahan seramai 12 penagih, Selasa lalu.

"Seramai lapan penagih ditahan di Pantai Redang Sekinchan, manakala empat lagi di sebuah rumah di Kampung Dato' Hormat Sungai Air Tawar menjadikan keseluruhan penagih yang ditahan sepanjang minggu ini sahaja 22 orang.

"Kita akan meneruskan operasi ini dari masa ke semasa dan berharap bantuan orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat jika terdapat kegiatan yang meragukan di tempat awam atau kawasan perumahan," katanya.